

Headline **Projek kesedaran alam**
Date **18 May 2010**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Variasi**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **V10**
Article Size **260 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **5,590**
PRValue **16,771**



Projek kesedaran alam

Fitness First, FRIM komited tanam pokok

FITNESS First bergabung dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) sempena projek komuniti Planet

First untuk memberi sumbangan kepada alam sekitar, baru-baru ini.

Acara dihadiri kakitangan pengurusan kanan Fitness First di seluruh Asia dan Ketua Pegawai Eksekutif Global, Colin Waggett. Fitness First menanam kira-kira 150 pokok manakala Zenny Lyn, pemenang pertandingan Biggest Loser Asia 'At Home' turut menyertai acara amal berkenaan.

Untuk menggalakkan kerjasama, peserta acara dibahagikan kepada beberapa kumpulan secara rawak untuk menanam pokok berkenaan bersama-sama.

"Memandangkan komuniti ialah salah satu nilai kami, kami mempunyai tanggungjawab sebagai sebuah organisasi untuk menyumbang kepada masyarakat. Kami juga mem-

beri tumpuan komitmen bukan hanya daripada sudut kesihatan dan kecergasan malah kepada alam sekitar," kata Pengarah Urusan Fitness First Asia, Simon Flint.

Fitness First Asia, bersama-sama FRIM komited untuk menanam sejumlah 300 pokok untuk tempoh tiga tahun sebagai salah satu projek komuniti mereka.

Mereka juga akan sentiasa mengunjungi kawasan tanaman pokok untuk memantau perkembangan pokok yang ditanam.

Selain menanam pokok, peserta diberikan poskad untuk menulis impian mereka sama ada dialamatkan kepada diri sendiri atau orang tersayang.

Poskad itu kemudian dimasukkan ke dalam kapsul masa yang ditanam dan hanya akan dibuka dalam masa 20 tahun. Turut ditanam dalam kapsul masa itu ialah halaman per-

Headline **Projek kesedaran alam**
Date **18 May 2010**
MediaTitle **Harian Metro**
Section **Variasi**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **324,097 / 1,981,000**

Language **Malay**
Page No **V10**
Article Size **260 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **5,590**
PRValue **16,771**

tama akhbar daripada negara pakaian seragam Fitness First.
yang mengambil bahagian serta



AMBIL BAHAGIAN...acara menanam pokok Fitness First dihadiri peserta seluruh Asia.